

**Isu Nasional Antara Faktor Sokongan Pengundi Muda Terhadap BN Turun Di PRK Kajang -
Khairy
Bernama
2 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Peningkatan kos sara hidup, kedudukan ekonomi negara dan isu perumahan merupakan penyumbang utama kepada penurunan sokongan golongan pengundi muda terhadap Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, 23 Mac lepas.

Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin berkata selain itu, kawasan DUN Kajang merupakan kubu kuat Parti Keadilan Rakyat (PKR) sejak dua pilihan raya umum (PRU) lepas.

"Walaupun jentera kita secara keseluruhannya baik serta dapat mendekati lebih banyak pengundi muda, tapi isu berkenaan kos sara hidup kali ini, yang menyebabkan penurunan sokongan pengundi muda.

"Namun, di Kajang kita berada dalam satu keadaan 'tidak memihak' sebab tempat dan masa yang dipilih bukan kita tentukan, tetapi mereka yang pilih. Kita dan jangka dalam kajian sebelum PRK lagi bahawa akan berlaku sedikit penurunan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno di sini hari ini.

Khairy, yang juga pengerusi Pemuda BN, berkata, Makmal Pemuda BN 2.0 akan ditubuhkan untuk mengkaji trend pengundian golongan muda bagi mengenal pasti faktor serta langkah untuk mengatasi masalah itu.

Khairy berkata, walaupun Pemuda bertekad untuk meningkatkan lagi program penjelasan mengenai dasar-dasar kerajaan kepada rakyat, namun langkah itu harus dijalankan secara komprehensif daripada semua pihak, khususnya kerajaan sendiri.

Pada PRK DUN Kajang yang lepas, presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berjaya mengalahkan calon pilihan BN Datin Paduka Chew Mei Fun dengan majoriti sebanyak 5,379 undi, kurang 1,445 undi berbanding PRU13.

Dalam isu berlainan, Khairy berkata, sayap itu akan menyerahkan memorandum kepada pengurusan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bagi membantah cara pengagihan rumah kepada rakyat menggunakan kaedah cabutan undi.

"Sistem cabutan undi yang diguna pakai sekarang harus dikaji semula kerana sepatutnya ada kuota khas untuk pembeli rumah daripada golongan Bumiputera dan golongan muda.

Khairy, yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, beliau akan turut membangkitkan isu itu dalam mesyuarat Kabinet akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027388>